

# Selangor bakal negeri ilmuan

Kos pembinaan dua blok asrama bernilai RM6 juta itu dianggarkan dapat menampung pengambilan pelajar yang dijangka tiga kali ganda pada masa akan datang.

■ AZIE YAHAYA

**SHAH ALAM** - Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Islam, Adat-adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Datuk Dr Hassan Mohamed Ali berkata kerajaan negeri merancang untuk memperbesarkan lagi maahad tahfiz, iaitu sebuah kolej tahfiz sains di Jugra, Banting.

Katanya, kos pembinaan dua blok asrama bernilai RM6 juta itu dianggarkan dapat menampung pengambilan pelajar yang dijangka tiga kali ganda pada masa akan datang.



*"Setakat ini kolej tersebut mempunyai 55 orang pelajar dan dengan pembesaran ruang di kolej ini melalui pembinaan dua blok asrama bernilai RM6 juta, pengambilan pelajar ke kolej ini dijangka bertambah sebanyak tiga kali ganda kepada 150 orang pada masa akan datang."*

*Datuk Dr Hassan Mohamed Ali*

"Setakat ini kolej tersebut mempunyai 55 orang pelajar dan dengan pembesaran ruang di kolej ini melalui pembinaan dua blok asrama bernilai RM6 juta, pengambilan pelajar ke kolej ini dijangka bertambah sebanyak tiga kali ganda kepada 150 orang pada masa akan datang," katanya.

Dr Hassan berkata, beberapa sekolah rendah dan menengah berasaskan bidang al-Quran akan ditubuhkan di

negeri ini.

"Mereka (pelajar) bukan sahaja didedahkan dengan bidang al-Quran tetapi mereka turut dijuruskan kepada kepelbagaian bidang sains.

"Sekali gus, kita dapat melahirkan generasi muda yang bukan sahaja celik al-Quran malah dalam masa yang sama kita dapat melahirkan pakar sains dan teknologi," ujarnya.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri bercadang menjadikan Selangor sebagai tapak ilmu, sains dan teknologi di negara ini.

"Beberapa projek keilmuan dan penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat telah kita anjurkan bagi menjadikan negeri ini sebagai negeri berilmu dan berteknologi," katanya.

Sebagai contoh, katanya, penganjuran Konvensyen Falak Selangor 2008 baru-baru ini dapat menjana percambahan ilmu di kalangan masyarakat.

"Lebih 300 pakar serta golongan muda terlibat dalam konvensyen tersebut yang mana membincangkan tentang bidang sains dan astronomi. Ia juga memberi peluang kepada anak-anak muda menanam cita-cita untuk menceburi bidang ini," katanya.